

Saya hanya terima surat: Mahathir

B.H 16 OCT 1993

BERIKUT adalah sebahagian temu ramah dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai perletakan jawatan Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba, malam tadi:

S: Ada spekulasi mengatakan Ghafar telah meletakkan jawatannya?

J: Beliau telah mengemukakan surat perletakan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri.

S: Bagaimana dengan jawatan lain?

J: Tidak ada. Kita terima itu saja.

S: Apakah beliau memberi sebarang alasan?

J: Tidak ada. Tidak ada alasan.

S: Adakah Datuk Seri menerima perletakan jawatan itu?

J: Saya terima surat saja. Kita masih ada banyak masa. Kita boleh bincangkannya.

S: Bagaimana dengan jawatan Menteri Pembangunan Luar Bandar?

J: Tidak ada. Cuma TPM saja.

S: Bilakah surat itu dihantar?

J: Petang semalam.

S: Maknanya dia masih kekal sebagai Timbalan Presiden Umno?

J: Saya lupa.

S: Apakah Datuk terkejut dengan tindakan itu?

J: Saya dengar khabar angin juga. Setelah mendengar khabar angin itu, saya tidak begitu terkejut.

S: Apakah Ghafar ada menghubungi Datuk Seri mengenai perletakan jawatannya?

J: Tidak ada. Cuma dia punya Setiausaha Politik hantar surat bagi tahu.

S: Kenapa dia mengemukakan surat itu?

J: Itu saya tidak tahu. Saya tak mahu buat spekulasi.

S: Apakah reaksi Datuk Seri selepas itu?

J: Tidak ada apa reaksi, cuma buat susunan untuk menangani situasi ini. Tidak ada apa reaksi.

S: Apakah Datuk Seri menerima surat perletakan lain selain Ghafar?

J: Tidak ada. Jangan buat spekulasi.

S: Apakah ada lantikan sebagai pemangku?

J: Tidak. Tidak ada Pemangku Timbalan Perdana Menteri.

S: Apakah perletakan jawatan ini menjejaskan jentera kerajaan?

J: Dari segi apa?

S: Pentadbiran.

J: Tidak ada. Ke manapun dia pergi cuti, tidak ada terjejas apa pun.

S: Apakah ada pemangku bagi pihak Datuk Seri selama berada di luar negara?

J: Tidak. Saya tetap masih Perdana Menteri. Mereka boleh hubungi saya pada bila-bila masa pun.

S: Ketika ini PM tiada, TPM pun tiada?

J: Di sesetengah negara lain itu menjadi masalah. Maka berlakulah rampasan kuasa. Saya tidak

menjangka berlaku rampasan kuasa di Malaysia.

S: Apakah bermakna dia tidak meletakkan jawatan Menteri Pembangunan Luar Bandar?

J: Saya tidak ingat isi kandungan surat itu. Saya cuma baca sepintas lalu.

S: Apakah ada surat perletakan jawatan lain?

J: Tidak ada. Saya tidak menerima apa pun.

S: Surat itu berkuatkuasa bila?

J: 15 haribulan.

S: Datuk Seri, biasanya orang yang meletakkan jawatan adalah orang yang kecewa. Apakah Datuk Seri fikir perkara ini berlaku kepada Ghafar?

J: Banyak orang letak jawatan. Saya tak mahu buat spekulasi perkara ini.

S: Apakah ini kali kedua Ghafar menghantar surat perletakan jawatan?

J: Tidak.